



"KAEDAH FIQHIYYAH MENANGANI COVID-19".1

2	الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ... ﴿٧٨﴾
3	أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
4	. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿...﴾
5	Muslimin yang dirahmati Allah sekalian, Marilah kita sama-sama bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan perintah Allah dan meninggalkan segala laranganNya. Semoga amalan kita diterima Allah SWT.
6	Mimbar Jumaat hari ini mengajak hadirin semua untuk menghayati khutbah yang bertajuk: " KAEDAH FIQHIYYAH MENANGANI COVID-19 ". Hadirin Jumaat yang dikasihi,
7	"Allah tidak menjadikan keatas kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama". Itulah Maksud ayat yang menjadi mukaddimah khutbah kita pada hari ini. Allah tidak membebankan perkara yang menyulitkan.



<p>Hadis yang diriwayatkan daripada A'isyah Radhiallahu'anha bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">إِنَّمَا بُعِثْتُ بِالْحَنِيفِيَّةِ السَّمْحَةِ</p> <p><i>"Sesungguhnya aku diutuskan dengan membawa agama yang mudah".</i> <i>(Riwayat al-Tabarani).</i></p>	8
<p>Dalam suasana pandemik Covid-19 dan lockdown ini, ada pihak yang berpandangan secara negatif dengan mengatakan; "S.O.P. Covid-19 dalam pelaksanaan fardu Jumaat dan solat-solat fardu yang lain telah dihadkan bilangan jemaahnya, menetapkan penjarakan antara jemaah, memakai penutup separuh muka, tidak bersalaman, adalah kehendak Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau W.H.O. yang tidak perlu kita ikut". Andai pandangan yang tidak berasas ini mempengaruhi penilaian sebilangan besar masyarakat, pastinya penularan wabak Covid-19 ini akan berganda-ganda peningkatannya.</p>	9
<p>Prinsip (الْحَنِيفِيَّةِ السَّمْحَةِ) agama yang mudah membolehkan kita berpegang kepada kaedah :</p> <p style="text-align: center;">لَا يُنْكَرُ تَغْيِيرُ الْأَحْكَامِ بِتَغْيِيرِ الزَّمَانِ وَالْمَكَانِ</p> <p><i>"Tidak diingkari berlakunya perubahan hukum disebabkan perubahan masa dan tempat."</i></p>	10



<p>Pendekatan Kaedah Fiqhiyyah yang boleh dirujuk dalam mencegah wabak Covid-19 adalah:</p> <p>Salah satu kaedah yang dikemukakan oleh Imam Muhammad 'Izzuddin bin Abdul Salam mengemukakan fiqh keseluruhannya kepada dua kalimah:</p> <p style="text-align: center;">دَرْءُ الْمَفَاسِدِ مُقَدَّمٌ عَلَى جَلْبِ الْمَصَالِحِ</p> <p><i>"Menolak kerosakan hendaklah didahulukan daripada mencari kemaslahatan."</i></p>	11
<p>Dari kaedah inilah terpecahnya lima puluh kaedah, bahkan ada yang mengatakan 200 kaedah.</p> <p>Dalam isu menghadkan bilangan jemaah solat Jumaat, melakukan penjarakan antara saf, memakai pelitup muka, sudah disepakati oleh pakar perubatan yang ianya boleh menghindari penularan wabak Covid-19.</p>	12
<p>Sementara terdapat golongan yang mendakwa tuntutan amalan syariat seperti merapatkan saf, galakan mengimarahkan masjid dan surau adalah tuntutan syariah dan mengandungi masalahah.</p> <p>Kaedah yang digunakan dalam Islam Antara menolak mafsadah (keburukan) dan mendatangkan masalahah, menolak keburukan hendaklah diutamakan. Contohnya dosa dengan pahala, meninggalkan dosa lebih diutamakan dari membuat perkara galakan kerana wabak disini adalah mafsadah (keburukan) sedangkan merapatkan saf, meramaikan Jemaah adalah masalahah (kebaikan). Maka menolak keburukan hendaklah didahulukan dari mencari kemaslahtan. Apatah lagi wajib kita menolak kemudaratan tersebut, sedangkan masalahah yang hendak dibuat itu hukumnya sunat. Apabila bertembung antara wajib dan sunat, utamakan yang wajib.</p>	13



<p>Kaedah Fiqhiyyah yang kedua: (الضَّرَرُ يُزَالُ) “Kemudharatan hendaklah dihilangkan”. Sumber kaedah ini adalah merujuk kepada hadis yang diriwayatkan oleh Abi Saad Radhiallahu’anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ</p> <p style="text-align: center;"><i>“Tidak memudaratkan orang lain dan tidak dimudaratkan oleh orang lain”.</i> <i>(Riwayat Ibn Majah).</i></p>	
<p>Dalam hal berkenaan penularan wabak, panduan daripada peringatan Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Amru Radhiallahu’anhu yang bermaksud:</p> <p style="text-align: center;"><i>“Jika kamu mendengar wabak melanda sesuatu negeri, maka jangan kamu memasukinya. Dan jika kamu berada di daerah itu janganlah kamu keluar darinya.”</i> <i>(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).</i></p> <p>Panduan Nabawi ini menunjukkan pelaksanaan S.O.P.-S.O.P. PKP dan Lockdown adalah seiring dengan tuntutan syariat dan bertujuan untuk tidak memudaratkan diri sendiri dan orang lain</p>	14
<p>Kaedah ketiga: (المُشَقَّةُ تَجْلِبُ التَّيْسِيرَ) “Kesulitan mengundang kemudahan”. Ada orang berpandangan: dengan menghadkan bilangan kehadiran Jemaah solat Jumaat dan solat fardu lain di masjid dan surau, juga mengadakan S.O.P. adalah perbuatan meringan-ringankan hukum agama. Sekali-kali tidak, bahkan ia seiring dengan kaedah tersebut. Merapatkan saf, memenuhkan masjid adalah tuntutan. Namun apabila kita tidak lagi pergi dan berhimpun beramai-ramai di masjid dan merapat-rapatkan saf ketika wabak sedang melanda akan lebih memudahkan umat Islam mengamalkan ibadah tersebut dirumah.</p>	15



<p>Kaedah keempat ialah: (العَادَةُ مُحَكَّمَةٌ) "Adat menjadi Hukum". Kaedah ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Mas'ud radhiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">مَا رَأَى الْمُسْلِمُونَ حَسَنًا فَهُوَ عِنْدَ اللَّهِ حَسَنٌ</p> <p style="text-align: center;"><i>"Apa yang dianggap oleh kaum muslimin baik, maka ia di sisi Allah juga baik".</i> (Riwayat Ahmad).</p>	16
<p>Di samping itu, Nabi SAW juga tidak bersalaman dengan seorang lelaki ketika berbai'ah untuk mengelakkan penyakit dan mudharat menjangkitinya. Diriwayatkan daripada 'Amru bin al-Syarid daripada bapanya:</p> <p style="text-align: center;">كَانَ فِي وَفْدٍ ثَقِيفٍ رَجُلٌ مَجْدُومٌ، فَأَرْسَلَ إِلَيْهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّا قَدْ بَايَعْنَاكَ فَارْجِعْ</p> <p style="text-align: center;"><i>"Adalah dalam delegasi Tha'if (yang akan berbai'ah) terdapat seorang lelaki yang ada penyakit kusta, lalu Rasulullah SAW mengutus seseorang bertemu dengannya lalu berkata: Sesungguhnya kami telah menerima bai'ah kamu. Kerana itu, kamu boleh beredar pulang".</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Muslim).</i></p>	
<p>Adat semasa penularan wabak Covid-19 telah berubah. Salam tidak lagi diiringi dengan bersalaman dan berpelukan. Kesemua itu menjadi adat yang baru dalam kehidupan era pandemik ini. Adat ini telah menjadi hukum yang baru dalam situasi kita pada hari ini untuk menyelamatkan nyawa sendiri dan orang lain.</p>	17



<p>Kaedah kelima: (الْأُمُورُ بِمَقَاصِدِهَا) "Segala perkara sesuai dengan maksud pembuatnya". Kaedah ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Umar bin al-Khattab Radhiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ</p> <p style="text-align: center;"><i>"Sesungguhnya segala amalan itu berdasarkan niat".</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	18
<p>Apabila dihadkan bilangan kehadiran dalam solat-solat fardu di masjid-masjid ataupun surau-sarau, ini membawa kepada sebahagian umat Islam tidak lagi dapat berjemaah terutamanya solat fardu Jumaat. Maka ada pula yang berpandangan: "berdosa bagi lelaki yang tidak melakukan solat Jumaat tiga kali berturut-turut dan wajib bertaubat. Pendapat ini tidak tepat, kerana ketidakhadiran mereka untuk menunaikan solat Jumaat adalah mengikut hukum ketika darurat. Tidak sedikitpun niat mereka untuk meringan-ringankan tuntutan Jumaat. Hukum ini diputuskan oleh pemerintah dengan merujuk kepada Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor. Ini selaras juga dengan kaedah fiqhiyyah yang lain: (تَصَرُّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنْوُطٌ) بِالْمَصْلَحَةِ "Tindakan pemerintah terhadap rakyat mestilah dihubungkan kepada kemaslahatan". Tindakan pemerintah adalah sejalan dengan kepentingan umum, bukan kepentingan diri.</p>	19



<p>Pengajaran dan penghayatan yang sama-sama dapat kita renungkan daripada khutbah hari ini adalah:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam hendaklah sedar bahawa penetapan S.O.P. berkait dengan Covid-19 adalah bertepatan dengan maksud pensyariatan hukum syarak dengan mengguna cara dan kaedah yang sah dan diterima pakai.2. Umat Islam hendaklah memahami bahawa tiada seorang pun boleh mengeluarkan hukum semasa sebelum meneliti fakta sebenar dan melalui proses dan kaedah-kaedah pengeluaran hukum.	20
<ol style="list-style-type: none">3. Kita hendaklah memberi kepercayaan penuh kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri sebagai pihak yang berautoriti dalam menentukan hukum terhadap permasalahan semasa.4. Ulama yang takutkan Allah SWT adalah ulama yang tidak akan memberikan pandangannya dengan cara yang menyebabkan kekeliruan dan pertelagahan dalam kalangan masyarakat dan menimbulkan kebencian kepada individu tertentu atau pihak berkuasa agama.	21
<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p>يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ</p> <p>ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾</p>	22



<p><i>“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) Rasul-Nya jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok pula kesudahannya.”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Surah al-Nisa' : 59).</i></p>	
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	23
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	24



KHUTBAH KEDUA

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.	1
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.	2
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ	3
Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak covid 19.	5
Untuk itu terimalah dengan baik saranan pihak kerajaan supaya mendaftarkan diri kita melalui aplikasi Mysejahtera untuk mendapatkan suntikan vaksin yang telah disahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.	6
Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin mematuhi S.O.P dan tatacara amalan kebiasaan baharu untuk memerangi wabak Covid 19 demi keselamatan diri serta masyarakat.	7
Marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhamad SAW kerana perintah Allah dalam firman-Nya :	8




9	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
10	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
11	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
12	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.
13	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ،
14	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَغُور، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.
15	اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَغُور، تَعَكَوْ أَمِيرِ شاه إبن السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج
16	فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.



<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	17
<p>Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hambaMu yang sentiasa meninggikan kalimah dan AgamaMu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina AgamaMu</p>	18
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفٌ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَإِلْجَابَةٌ جَدِيرٌ.</p>	19
<p>اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ فِي فَلَسْطِينَ اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ عَلَى قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ وَدَمِّرْ أَعْدَائِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْنَا عَلَيْهِمْ</p>	20



	21
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٢١﴾</p>	22
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ ۖ إِنَّ نِعْمَهُ يُزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	23